

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG

TARIKH : 15 NOVEMBER 2016

RUJUKAN : 9386

SOALAN:

Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimanakah Kerajaan menangani isu penyeludupan senjata api yang berleluasa dan apakah tindakan yang telah diambil ke atas pegawai penguatkuasa undang-undang yang terlibat dengan rasuah di sempadan Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) sentiasa mengambil langkah yang perlu bagi menentukan keselamatan dan kententeraman awam sentiasa terpelihara daripada sebarang ancaman yang boleh menimbulkan rasa takut rakyat khususnya perlakuan jenayah yang melibatkan penggunaan senjata api. Umum mengetahui bahawa kebanyakan senjata api haram yang berada dalam negara dipercayai diseludup masuk ke negara.

Statistik kes bunuh, cubaan membunuh dan samun yang melibatkan penggunaan senjata api yang berlaku di seluruh negara bagi tahun 2014 sehingga September 2016 adalah seperti berikut:-

KES JENAYAH	JUMLAH KES	KES SELESAI
BUNUH BERSENJATAPI	105	61
CUBA BUNUH BERSENJATAPI	117	57
SAMUN BERSENJATAPI	27	4
JUMLAH	249	122

Pelbagai langkah yang telah diambil bagi mengawal kemasukan senjata api secara haram khususnya melalui sempadan negara seperti berikut:-

- i) Mengadakan kerjasama dengan negara-negara ASEAN berkaitan *Transborder crime* yang mana agenda penyeludupan senjata api diberi perhatian serius dan setiap ahli menandatangani '*protocol against the illicit manufacturing and the trafficking in firearms, their parts and components and ammunition supplementing the United Nations Convention against Transnational Organised Crime*';**
- ii) Menggalakkan pertukaran maklumat antara Negara ahli melalui sekretariat ASEANAPOL atau melalui e-ADS (*Aseanapol Data System*) berkaitan penyeludupan senjata api;**
- iii) Menggalakkan negara-negara ahli berkongsi pengalaman dan amalan baik dalam usaha mencegah dan membanteras penyeludupan senjata api;**
- iv) Membuat perolehan mesin pengimbas (*scanner machine*) yang lebih moden dan canggih untuk ditempatkan di semua pintu masuk dalam Negara;**
- vi) Mempertingkatkan lagi Ops Laras dan Ops Api bagi mengesan senjata api yang diseludup dan yang berada dalam Negara;**

- vii) Mengambil tindakan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012, Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 dan Anti-Money Laundering and Anti-Terrorism Financing Act 2001 (AMLATFA) jika terbukti terdapat elemen kongsi gelap dan penyalahgunaan dadah dengan menggunakan senjata api;
- viii) Melaksanakan operasi yang berterusan sentiasa dilaksanakan oleh pasukan *Special Task Force on Organised Crime* (STAFOC) terhadap jenayah terancang dalam negara ini; dan
- viii) Kementerian juga telah mengambil langkah proaktif bagi memperketatkan kawalan di sempadan dengan menubuhkan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) dengan menggabungkan agensi penguatkuasa di sempadan seperti Kastam Diraja Malaysia (KDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Bekas anggota Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) supaya tindakan pencegahan dapat dilaksanakan dengan lebih holistik dan bersepadu bagi mengekang ancaman dari anasir luar dan juga aktiviti penyeludupan termasuk senjata api.

Berkaitan isu rasuah oleh pegawai penguatkuasa di sempadan negara, Kementerian tidak teragak-agak dan tidak akan berkompromi atau melindungi mana-mana pegawai penguatkuasa yang terlibat dengan rasuah di sempadan Malaysia. Masyarakat diseru untuk membuat laporan kepada Kementerian atau kepada

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) jika mempunyai maklumat berkaitan penyalahgunaan kuasa atau rasuah yang dilakukan oleh pihak penguatkuasa.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI
TARIKH : 15.11.2016
SOALAN : NO. 29

Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah perancangan dan bila untuk meningkatkan kapasiti UMSKAL bagi membolehkan ianya mula mengambil pelajar antarabangsa sesuai dengan tujuan asalnya sebagai kampus antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) amat menitikberatkan penambahbaikan pendidikan di semua Institusi Pendidikan Tinggi termasuk Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL).

KPT dari semasa ke semasa berusaha untuk mempertingkatkan kemudahan infrastruktur termasuk penyediaan bangunan baharu dan kemudahan fasiliti mengikut keperluan dan keadaan ekonomi semasa. Sehingga kini, sebanyak 16 projek prasarana telah siap dilaksanakan untuk kegunaan warga UMSKAL. Ini termasuklah Kompleks Dewan Kuliah Pusat bernilai RM25 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 yang telah siap dibina pada tahun 2014. Kos keseluruhan yang telah diperuntukkan dan dibelanjakan di UMSKAL adalah sebanyak RM162 juta.

Untuk makluman, sememangnya UMSKAL menjadi pilihan pelajar-pelajar termasuk dari luar negara untuk mengikuti program-program yang ditawarkan di kampus tersebut iaitu lima program di Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) dan dua program di Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI).

UMS juga telah melaksanakan pelbagai promosi akademik bagi menarik lebih ramai pelajar antarabangsa untuk mengikuti pengajian di UMS termasuk di UMSKAL. Promosi secara menyeluruh untuk 60 program telah dilaksanakan pada tahun 2015 di Republik Rakyat China dan Brunei, manakala bagi tahun 2016 diteruskan di Kalimantan, Timor Leste, Oman, Bangladesh dan Jordan.